



sinarharian • SELASA 30 NOVEMBER 2010

KAWASAN LIPUTAN : Ah, Binjai, Bukit Tinggi, Gelok, Hosta, Jeram, Jerut, Kapeku, Kubang Pasu, Malau, Naga, Padang Perahu, Pelubang, Pering, Putat, Sanggang dan kawasan sekitar.

KUBANG PASU U11

Staud Calon • Maria Uffa
019 574 4073 / 019 474 7065

Statistik kemalangan meningkat

SINTOK - Statistik Pertumbuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) pada tahun 2009 yang melibatkan kemalangan dalam perjalanan dari atau ke tempat kerja menunjukkan peningkatan berbanding 2008.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Sumber Manusia, Datuk Shariff Hussein ketika membacakan teks ucapan Timbalan Menteri Sumber Manusia berkata, statistik itu menunjukkan peningkatan sebanyak 9 peratus iaitu dari 19,041 kes pada 2008 kepada 20,810 kes pada 2009.

Menurutnya, manakala statistik Perkeso sehingga September 2010 menunjukkan sejumlah 15,116 kemalangan dalam perjalanan berkenaan dilaporkan iaitu termasuk 493 kes kemalangan dalam perjalanan yang mengakibatkan kematian.

Berdasarkan analisis yang dijalankan oleh Perkeso juga menunjukkan kaum lelaki menyumbang kepada 80 peratus dari kemalangan terbabit.

"Manakala sektor perindustrian adalah sektor tertinggi yang mencatatkan kadar kemalangan dalam perjalanan itu iaitu pada kadar

34 peratus," katanya pada Seminar Kempen Keselamatan Pengguna Kenderaan Ulang alik ke/ dari Tempat Kerja di Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, semalam.

Kira-kira 200 peserta terdiri daripada sektor kerajaan, badan berkanun, institusi pengajian tinggi dan yang ditaja oleh Perkeso dari industri yang mencarum dengan Perkeso yang dikenal pasti mencatat kemalangan tertinggi semasa ulang alik ke/ dari tempat kerja pada tahun 2009.

Beliau berkata, pada masa sama golongan pekerja berumur 30 tahun ke bawah juga merupakan kategori umur yang paling ramai mendapat kemalangan dalam perjalanan berkenaan.

Menurutnya, sehubungan itu, semua pihak akan meningkatkan usaha dalam pencegahan kemalangan dalam perjalanan itu dengan mengajukan pelbagai aktiviti kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan terutamanya bagi mereka yang bermototsikal dengan meningkatkan lagi jumlah program dan aktiviti pada 2011.

"Justeru Perkeso dengan kerjasama institusi lain perlu berganding

■ Shariff (tengah) melihat pameran keselamatan yang diadakan sempena Seminar Kempen Keselamatan Pengguna Kenderaan Ulang alik ke/ dari Tempat Kerja di Universiti Utara Malaysia (UUM), semalam.

bahu bagi memastikan kesedaran keselamatan demi menjaga kebaikan pekerja.

"Malahan kementerian melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) bersama Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 telah berjaya mengurangkan kemalangan dalam industri iaitu akta berkenaan memainkan peranan penting bagi memastikan majikan menyediakan dan menyenggarakan tempat kerja dan persekitaran yang selamat kepada pekerja mereka," katanya.